

SUMBANGAN PERADABAN KERAJAAN TURKI UTHMANIYYAH TERHADAP TAMADUN ISLAM

The Contributions of the Ottoman Empire towards Islamic Civilization

ZULAIKHA BINTI YUSOFF*¹

ABSTRACT

This article investigates the Ottoman Empire's pivotal contributions to Islamic civilization, analysing its historical formation and multifaceted legacy across legal, economic, social, educational, architectural, and cultural domains. Beginning with the rise of an Anatolian principality in the late 13th century, the study outlines the Empire's consolidation (conquest of Constantinople in 1453) and Golden Age under Sultan Suleyman I (1520–1566). During this period, Ottoman administration harmonized Islamic law with royal ordinances: Suleyman's issuance of kanun (state law codes) complemented Shariah principles, earning him the title Kanuni (Lawgiver). Economically, Istanbul became a crossroads of Eurasian trade: Ottoman control over Asia and the Near East fostered exchange of goods and ideas along Silk Road routes, catalysing innovations in crafts and the arts. In the social sphere, institutions like the Devshirme Levy system enabled social mobility for Balkan Christian youths, many of whom advanced to high military and administrative offices. The Empire also prioritized learning: madrasas operated for centuries across its territories, educating engineers, jurists, and officials, while scholars compiled encyclopedism knowledge. For example, Katip Celebi (1609–1657) produced vast bibliographies and treatises like Kashf al-Zunun, and his Jihannuma (View of the World) was the first Ottoman geographic work to employ European atlases. Architecturally, Ottoman landmarks reflect this civilizational synthesis: Istanbul's Sultan Ahmed or Blue Mosque (1609–1616) exemplifies the classical Ottoman style in mosque design. These developments attest to an enduring Ottoman legacy that integrated Islamic and secular knowledge to foster broader cultural and social progress.

Keywords: Ottoman Empire, Islamic civilization, Ottoman law, Ottoman architecture, Islamic education.

¹ Zulaikha Binti Yusoff* (Corresponding Author), Postgraduate student at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: zulaikhabyusoff@gmail.com.

PENDAHULUAN

Istilah ‘tamadun’ jika dilihat dari sudut etimologinya, atau disiplin linguistik pelbagai bahasa contohnya seperti dalam bahasa Melayu, terdapat sekurang-kurangnya satu lagi perkataan yang sering digunakan untuk merujuk kepada maksud tamadun, iaitu ‘peradaban’. Kedua-dua istilah tersebut bukanlah berakar umbi daripada bahasa Melayu yang sebenar, melainkan ianya kata pinjaman daripada perkataan Arab yang membawa maksud kebudayaan dan kemajuan (Zaki Latiff et al, 2015). Kata lain bagi tamadun, iaitu ‘peradaban’, seperti yang tertulis di dalam Kamus Dewan, merujuk kepada tingkah laku serta tutur kata yang halus dan sopan, juga boleh ditakrifkan sebagai telah maju dalam tingkat kehidupan dari segi jasmani dan rohani, iaitu bertamadun. Namun demikian, istilah ‘tamadun’ lah yang paling popular digunakan dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia bagi menjelaskan tentang nilai kebudayaan, kemajuan, pembangunan, peradaban, serta kemakmuran yang dicapai oleh sesuatu bangsa.

Manakala dalam bahasa Inggeris pula, iaitu *civilization*, yang juga berkaitan dengan moral masyarakat, atau takrifan lainnya disebut sebagai masyarakat beradab, istilah ini bersumberkan daripada perkataan Latin *civitas* yang bermaksud bandar. Berbeza pula halnya dengan makna tamadun dari sudut bahasa Arab, terdapat sebanyak lima buah perkataan lainnya yang boleh dihubungkan dengan istilah tamadun, iaitu *‘umran*, *hadharah*, *tamaddun*, *madinah*, dan *madaniyyah*. Namun, hanya dua istilah sahaja yang popular dan digunakan dengan meluas dalam kalangan penulis-penulis Arab, iaitu *hadharah* dan *tamaddun*.

Secara ringkasnya, dapat kita katakan bahawa istilah tamadun ini boleh diertikan sebagai pencapaian gemilang manusia, baik dari sudut individu dan masyarakat dalam bidang kerohanian dan kebendaan yang berpusat di bandar-bandar. Pencapaian ini dapat diekspresikan dalam bentuk penghasilan seni bina baharu, ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, kepercayaan individu dan masyarakat, undang-undang, pentadbiran, politik dan sebagainya. Tambahan lagi, sesebuah tamadun itu juga akan dinilai melalui sejauh mana perhubungannya dengan aspek kehidupan masyarakat, terutamanya dari sudut agama, budaya dan bangsa.

Juga dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri tamadun ini terdiri daripada lapan asas utama, berdasarkan kepada teori-teori daripada Lucien Goldmann, Darcy Roberio, Edward L. Farmers, Abu al-A’la al-Maududi dan Ibnu Khaldun, iaitu penempatan kekal, kehidupan

berkualiti, stratifikasi sosial, bahasa dan tulisan, organisasi politik dan pemerintahan, teknologi dan reka cipta, kreativiti dan kehidupan beragama.

Pengajian ilmu ketamadunan ini mula diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun dalam kitab tulisannya iaitu Mukaddimah, di mana beliau berpendapat bahawa sebenarnya dengan menggunakan latar belakang sejarah juga, kita dapat memahami asas realiti masyarakat, bangsa dan umat terdahulu, dan sepertimana hasilnya, beliau berjaya mengeluarkan beberapa teori dan analisis daripada pengkajian ketamadunan masyarakat terdahulu sebagai panduan untuk umat mendatang. Dalam pengajian ketamadunan ini, ia membincangkan tentang keseluruhan teori, konsep asas, ciri, serta sifat tamadun secara konseptual, teoretikal, dan abstrak. Ini diperkuatkan lagi dengan dalil dalam Al-Quran, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 111:

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولَى الْأَلْبَابِ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَى وَلَكِنْ تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ
وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “..Sesungguhnya kisah para nabi itu mengandungi pengajaran bagi orang yang mempunyai akal fikiran. Al-Quran itu bukanlah cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengisahkan segala apa yang tersebut di dalam kitab-kitab sebelumnya, dan sebagai keterangan yang menjelaskan segala sesuatu, serta menjadi hidayah dan rahmat bagi kaum yang mahu beriman..”

Artikel ini merupakan hasil kajian serta analisis penulis dalam menghurai dan mengenal pasti sumbangan utama kerajaan Turki Uthmaniyyah terhadap tamadun Islam. Di dalamnya, penulis membahagikan keseluruhan skop perbincangan kepada enam topik utama, iaitu sumbangan tamadun dalam aspek perundangan, ekonomi, sosial, pendidikan, kesenian dan kesusasteraan, serta seni bina kerajaan, seperti mana yang bakal anda lihat di perbahasan subtopik yang berikutnya. Melalui artikel ini juga, kita dapat melihat gaya perincian dan pengolahan idea yang dikemukakan dengan lebih jelas oleh penulis melalui penyusunan isi-isi induk dan sokongan, serta teknik dan laras gaya bahasa yang digunakan, yang menumpukan kepada pemahaman dari sudut seluruh lapisan stratifikasi sosial masyarakat sebagai target pembaca utama. Ini kerana, hanya karangan yang baik dan kaedah olahan isi yang mantap dan berkesan sahaja yang dapat mempengaruhi pembaca-pembaca dari segi pemahaman dan pengertian konteks ayat, kepercayaan mereka terhadap penulis, reaksi, serta kesediaan mereka untuk bertindak balas sesuai imput yang diberikan.

SOROTAN LITERATUR

Dalam membicarakan tentang tamadun manusia, kesemua ilmuwan Muslim telah bersepakat dalam menekankan kepentingan pembangunan rohani agar selari dengan kepentingan pembangunan jasmani, dan berteraskan syariat Islam. Di antara tokoh-tokoh ilmuwan yang membicarakan persoalan ini ialah Ibnu Khaldun, Muhammad Abduh, Sayyid Qutub, Syed Muhammad Naquib al-Attas, dan lain-lainnya (Zaki Latiff et al, 2015).

Contohnya seperti Ibnu Khaldun, seorang ilmuwan ulung Islam yang berkepakaran dalam bidang ilmu sosiologi, ekonomi dan ketamadunan, beliau berpendapat bahawa tamadun merupakan kemuncak pembangunan yang menggambarkan ciri-ciri kemewahan hidup, dan beliau mengistilahkan masyarakat yang telah mencapai tahap kemajuan ini sebagai *'umran hadhari*.

Manakala Sayyid Qutub pula, seorang pemikir Islam kelahiran Mesir, beliau mendefinisikan tamadun sebagai sebuah kemajuan yang berteraskan kepada syariat Allah SWT, dan bercirikan nilai akhlak Islam. Ini bermaksud bahawa semua perkara yang bertentangan dengan nilai Islam akan tertolak daripada definisi bertamadun. Dalam erti kata lain, segala perbuatan manusia dalam menjalani kehidupan di dunia ini, jika ia selari dengan syariat Allah SWT dan rasulnya SAW, ia dikira sebagai ibadah dan akan dianggap sebagai suatu perbuatan yang bertamadun, dan begitulah sebaliknya.

Bagi Syed Muhammad Naquib al-Attas pula, beliau mengatakan bahawa tamadun ini ialah keadaan kehidupan manusia yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila, dan kebudayaan yang luhur bagi sesebuah masyarakat.

Demikianlah dalam pembikinan tamadun, seperti mana halnya dengan tamadun Melayu, Cina dan India, Islam juga telah menetapkan prinsipnya yang amat jelas untuk dituruti oleh semua penganutnya agar kita tidak tersasar dari landasan matlamat asal penciptaan, serta matlamat utama penghayatan tamadun Islam, iaitu untuk memperoleh kebaikan dan kesejahteraan dalam kehidupan di dunia serta mencapai keselamatan dan kebahagiaan abadi di akhirat kelak. Secara umumnya, dapat dikatakan bahawa prinsip tamadun Islam ini sebenarnya meliputi sebanyak tiga aspek utama, iaitu keimanan dan pengabdian diri kepada Allah SWT, benar dan amanah, serta adil dan saksama.

Sebagai sebuah tamadun yang dibina khas berdasarkan nilai-nilai pengabdian diri dan ketakwaan kepada Allah SWT, sudah pasti lah sumber utama tamadun ini juga adalah melalui

wahyu Allah SWT itu sendiri, iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah. Selain daripada kedua rujukan tersebut, ijtihad dan panduan dari tamadun dan budaya lain juga turut diiktiraf sebagai sumber tamadun Islam, selagi mana ia tidak bertentangan dengan syariat agama dan suruhan serta larangan Tuhan dan Rasul-Nya. Sebagai tambahan, tamadun Islam ini boleh kita bezakannya dengan tamadun-tamadun yang lain berdasarkan sifat-sifatnya yang khusus, seperti dari sudut keutuhannya yang tegap dan tidak berubah, bersifat terbuka dan sesuai mengikut peredaran zaman, sempurna dan seimbang dari sudut pembangunan jasmani dan rohani, serta banyak lagi.

Terdapat juga lima prinsip utama tamadun Islam yang harus dihormati dan dipelihara oleh semua Muslim dalam rangka membangunkan tamadun ini, iaitu dari sudut pemeliharaan agama penganutnya, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan kewarasan akal individu, pemeliharaan maruah serta nasab keturunan manusia, dan akhirnya pemeliharaan harta benda yang dimiliki.

Secara ringkasnya mengenai perkembangan tamadun Islam yang kini sudah berada di seluruh pelosok dunia, ianya bermula dari Makkah sewaktu kelahiran junjungan besar Nabi Muhammad SAW, seterusnya ia berkembang pesat di Madinah yang dahulunya dikenali sebagai Yathrib, seterusnya tersebar ke Kufah, Basrah, Damsyik, Fustat, Baghdad, Wait, Qairawan, dan banyak lagi, termasuklah juga di negara kita Malaysia melalui jalan Selat Melaka pada suatu ketika dahulu. Namun dalam perbincangan penulisan ini, kita akan menghuraikan kepada semua pembaca mengenai penapakan tamadun Islam di negara Turki sahaja, dimulakan dengan perbincangan ringkas sebagai latar belakang tema penulisan mengenai pengasasan negara ini sehingga momen kejatuhannya.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah ini diasaskan oleh Sultan Othman, iaitu putera kepada Ertugrul. Kemunculan kerajaan ini berlaku setelah terjatuhnya kerajaan Saljuk di sekitar pertengahan kurun ke-13. Bermula dari itu, kerajaan Turki Uthmaniyyah telah mengambil peranan dalam menyatukan Anatolia serta negara-negara lainnya di sekitar rantau Balkan di bawah satu pusat pemerintahan, yang kemudian menjadikannya sebagai sebuah Empayar Islam yang gagah. Era pemerintahan empayar ini bermula sejurus pemersatuan negara-negara tersebut, iaitu pada sekitar penghujung abad yang ke-13, sehingga ia mencapai kemuncak kegemilangannya pada abad yang ke-15. Terdapat juga sumber lain yang mengatakan bahawa era empayar ini bermula pada penghujung abad ke-14, namun jika dilihat dari senarai tahun fasa-fasa pemerintahan kerajaan ini seperti yang dilampirkan di helaian seterusnya, pendapat pertama dirasakan lebih tepat dari pihak penulis.



*Rajah 1 menunjukkan jumlah keluasan kawasan kerajaan-kerajaan awal di Semenanjung Arab
(sumber rajah: Internet, *Anatolia in 1300*).*

Pemerintahan empayar ini dapat dibahagikan kepada lima fasa berasingan, iaitu:

- Peringkat awal penubuhan: tahun 1299 – 1453
- Peringkat perkembangan dan pengukuhan empayar: tahun 1453 – 1682
- Peringkat perkembangan mendatar, kebangkitan nasionalisme, serta cabaran pihak Barat: tahun 1683 – 1827
- Peringkat kemerosotan dan permulaan kejatuhan empayar: tahun 1828 – 1908
- Peringkat pembubaran pemerintahan: tahun 1908 – 1924

Kehebatan era pemerintahan kerajaan Turki Uthmaniyyah ini seperti yang dinyatakan oleh pakar sejarah, ianya bermula dengan kejayaan penaklukan kota Constantinople yang kininya dikenali dunia sebagai Istanbul, Turki pada tahun 1453, sehinggalah zaman pemerintahan Sultan Sulaiman al-Qanuni yang mangkat pada tahun 1566 ketika usianya mencecah 72 tahun. Sepanjang zaman pemerintahan tersebut, negara Turki dipimpin oleh beberapa sultan yang hebat dan berwibawa, iaitu:

- Sultan Muhammad II al-Fateh: tahun 1451 – 1481
- Sultan Beyazid/Bayezid II: tahun 1481 – 1512
- Sultan Salim 1: tahun 1512 – 1520
- Sultan Sulaiman I al-Qanuni: tahun 1520 – 1566




Rajah 2 menunjukkan peta empayar Turki Uthmaniyyah pada penghujung abad yang ke-17 (sumber rajah: Internet, *Ottoman Empire in the 17th century*).

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya kejatuhan empayar Turki Uthmaniyyah, antaranya ialah:

- **Politik:** Kelemahan dalam kepimpinan dan pentadbiran negara, pemerintahan yang tidak teratur, serta sistem pertahanan dan ketenteraan yang lemah.
- **Ekonomi:** Perlantikan jawatan yang bukan didasari oleh kepakaran, kesan sampingan terhadap situasi peperangan yang tidak berhenti sehingga pendapatan negara semakin berkurangan, perdagangan yang lembap, serta faktor kadar cukai tinggi yang dikenakan terhadap rakyat.
- **Sosial:** Pemberontakan rakyat, keruntuhan akhlak masyarakat, agama Islam diseleweng, serta gejala rasuah berleluasa yang menyebabkan pentadbiran negara lumpuh.
- **Pengaruh luar:** Kebangkitan kekuatan Eropah atau gerakan Pembaharuan (*Renaissance*) yang berlaku telah mendorong kepada imperialisme Barat, siri peperangan yang dihadapi bersama kuasa Barat yang membawa kepada kekalahan dan kerugian besar bagi pihak Turki Uthmaniyyah, serta perjanjian damai Turki dengan pihak Eropah menerusi Perdamaian Passarowitz (*The Treaty of Passarowitz/Pozarevac*) pada Julai 1718 dan Perjanjian Radsin/Bakhchisarai 1681 yang telah menyebabkan Turki kehilangan sebahagian besar wilayah taklukannya.

Kejatuhan empayar Turki Uthmaniyyah ini secara tidak langsung telah memberikan banyak kesan buruk terhadap negara Islam yang lain, seperti berlakunya perpecahan antara umat Muslimin, serta ikutan negara-negara tersebut terhadap arus Pemodenan Turki dan sebagainya. Ia menandakan bahawa telah berakhirnya kegemilangan sebuah kerajaan Islam yang dahulunya berkembang dengan sangat pesat.

Seterusnya, rentetan kejatuhan empayar ini lebih menyerlah apabila Mustafa Kamal Atatürk bertindak mengisytiharkan Turki sebagai sebuah negara Republik pada 29 Oktober 1923. Ini menunjukkan bahawa kedudukan kuasa Turki Uthmaniyyah yang besar dan sangat luas pada suatu ketika dahulu akhirnya telah hilang sama sekali pada penghujung abad ke-18, dan yang tinggal hanyalah beberapa daerah kecil yang masih berada di bawah taklukan kerajaan Turki. Sesungguhnya catatan sejarah telah memperlihatkan kepada kita bahawa kejatuhan Turki merupakan akibat yang paling buruk dan besar, kesan daripada masalah dalaman dan luaran negara yang tidak dapat diselesaikan dengan baik dan sistematik oleh para pegawai dan pihak pentadbiran negara tersebut.



Rajah 3 menunjukkan peta Empayar Turki Uthmaniyyah keseluruhannya (sumber rajah: Internet, Ottoman Empire map at its height, over time).

ANALISIS DAN DAPATAN

Kerajaan Turki Uthmaniyyah merupakan salah satu kerajaan Islam yang telah berjaya membentuk sebuah empayar yang sangat besar dan luas, di mana empayar ini telah berada dalam landasan ketamadunannya selama hampir 600 tahun, serta ia berjaya menyatupadukan keseluruhan umat Islam global pada zaman tersebut. Sepanjang kewujudan empayar ini, banyak perkara yang sudah lama tercetus, sekarangnyanya masih kekal wujud dan utuh, serta dimajukan, diolah semula, dan ditambah baik sesuai dengan peredaran masa. Perkara-perkara ini merupakan antara sumbangan utama peradaban Empayar Turki Uthmaniyyah kepada tamadun manusia hari ini, khususnya tamadun Islam, iaitu sumbangan terhadap aspek perundangan, ekonomi, sosial, pendidikan, seni bina, kesenian dan kesusasteraan, serta dari aspek sains dan teknologi maklumat. Berikut merupakan huraian ringkas dan padat mengenai keseluruhan aspek dan bidang yang telah penulis sebutkan tadi:

1. Aspek Perundangan

Pada zaman pentadbiran Turki Uthmaniyyah, pemerintah telah memperkenalkan dan mewujudkan beberapa jawatan utama keagamaan, seperti jawatan Kadi dan Mufti yang kemudiannya menjadi sebahagian daripada organisasi dan pentadbiran perundangan Islam. Satu lagi jawatan lain, iaitu *Syeikhul Islam*, yang bermaksud ketua ulama' Islam, telah diperkenalkan untuk mengeluarkan fatwa, dan fatwa-fatwa tersebut telah menjadi elemen yang paling penting dalam hal ehwal perundangan Islam masa kini. Salah seorang pemerintah Turki juga iaitu Sultan Sulaiman I al-Qanuni telah memperkenalkan Kanun Sulaiman, iaitu undang-undang untuk mempertahankan dan membela kepentingan nyawa, harta, serta kehormatan individu pelbagai bangsa dan agama.

Terdapat juga beberapa perkara lain yang menunjukkan kegemilangan pemerintahan Islam pada zaman Empayar Turki Uthmaniyyah. Antaranya termasuklah kecanggihan dalam sistem pertahanan, persenjataan, dan ketenteraan mereka. Empayar ini merupakan antara tamadun terawal yang menemui serbuk api untuk dijadikan bahan belerang dalam teknologi persenjataan mereka, yang mana sehingga kini teknologi tersebut masih lagi digunakan di serata dunia, cuma ianya telah sedikit sebanyak dinaiktarafkan dan dimajukan, seiring perjalanan zaman semasa.

Selain dari itu, antara kegemilangan empayar ini yang lainnya adalah apabila mereka berjaya menawan kota-kota besar seperti Busra dan Constantinople. Ini menunjukkan bahawa

walaupun permulaan mereka hanyalah dari sebuah negara yang kecil, namun disebabkan oleh kebijaksanaan pemerintahnya, serta kehebatan angkatan tenteranya, negara yang kecil ini telah berjaya mengubah nasib mereka menjadi sebuah empayar besar yang disegani rakan negara lain, dan ditakuti serta digeruni pihak musuh.

Dengan meluaskan dan membangunkan jajahan mereka, antara kegemilangan lain yang turut berjaya dicapai oleh Turki Uthmaniyyah adalah apabila mereka juga akhirnya telah berjaya menyatukan beberapa kota yang berada di bawah pengaruh agama lain, iaitu agama Kristian, seperti di Eropah dan Mesir.

2. Aspek Ekonomi

Dari sudut ekonomi negara pula, kerajaan Turki Uthmaniyyah telah berjaya membentuk Jalinan Perdagangan Dunia Islam yang amat besar dan luas yang berpusat di Istanbul. Istanbul dijadikan sebagai pusat pertembungan dagangan atas faktor kedudukan geografinya yang strategik, menjadikan bandar tersebut sebagai sebuah bandar perdagangan antara Dunia Islam dan Dunia Bukan Islam.

Seperti yang kita ketahui, Turki bersempadan dengan 8 negara, iaitu Bulgaria, Yunani, Georgia, Armenia, Azerbaijan, Iran, Iraq, dan Syria. Selain itu, ia turut menyempadani Laut Hitam di utara, Laut Aegea di barat, dan Laut Mediterranean di selatan. Negara Turki juga terdiri dalam wilayahnya Laut Marmara yang menandakan sempadan antara Eropah dan Asia. Oleh sebab inilah, Turki dikenali dan merupakan sebuah negara rentas benua. Jalinan perdagangan tersebut juga meliputi kesemua pelabuhan-pelabuhan yang berada di sepanjang Laut Tengah (*Mediterranean Sea*), Laut Merah (*Red Sea*), dan Lautan Hindi (*Indian Ocean*).

Salah satu faktor yang menyebabkan terkenalanya pusat perdagangan yang terletak di Istanbul tersebut adalah kerana sistem ekonomi Islam yang diamalkan oleh masyarakat pada zaman itu, di mana mereka menekankan aspek keluhuran dalam kegiatan berekonomi, serta pelaksanaan aktiviti perniagaan yang berlandaskan *syara*’, di samping sistem perniagaan yang mengfokuskan keseimbangan di antara kepentingan individu dan masyarakat, serta yang paling penting sekali ialah pengharaman *riba*’. Ini bukan sahaja menarik minat pedagang dari Dunia Islam semata-mata, bahkan juga pedagang-pedagang dari Dunia Bukan Islam yang lain seperti dari Eropah dan negara-negara Barat.

3. Aspek Sosial

Bagi penghuraian sumbangan dari aspek sosial pula, sebagai contoh, kerajaan Turki Uthmaniyyah telah memperkenalkan pembaharuan di kawasan Balkan di Eropah. Sebelum kedatangan Islam, penduduk di kawasan tersebut hanya mengamalkan sistem bangsawan yang berasaskan nasab keturunan dalam susun lapis masyarakat. Setelah daripada kerajaan Turki Uthmaniyyah memperkenalkan sistem yang menggalakkan kecemerlangan individu di Eropah, kesannya, pembahagian masyarakat di benua tersebut mula bergantung kepada hasil usaha individu. Maka, fenomena ini telah mencetuskan mobiliti sosial yang lebih besar dan luas dalam kalangan masyarakat Eropah. Mobiliti sosial di sini merujuk kepada perubahan status sosial seseorang individu dari satu status ke status yang lain.

4. Aspek Pendidikan

Manakala dari aspek pendidikan pula, antara sumbangan utama Turki Uthmaniyyah dalam masyarakat Dunia Islam adalah melalui perkembangan ilmu pengetahuan, pendidikan, penerbitan, kebudayaan dan penterjemahan. Sepanjang Turki berada di bawah pemerintahan agung Empayar Uthmaniyyah, banyak sekolah-sekolah dan pusat pengajian seperti madrasah, sekolah aliran pengetahuan akademik, sekolah tentera, maktab teknik, dan kolej perubatan telah diwujudkan dalam memajukan sistem pendidikan mereka. Selain dari itu, terdapat juga sumbangan Empayar Turki Uthmaniyyah dalam bidang ilmu pengetahuan dan penerbitan, iaitu melalui penulisan-penulisan ensiklopedia.

Antara bukti lain yang menunjukkan bahawa Turki sedang berada di dalam fasa kemajuan bagi sektor pendidikan juga adalah apabila perpustakaan-perpustakaan mula dibina di dalam masjid, hospital, dan di rumah, sebagai usaha kerajaan dalam menerap dan menyemaikan budaya membaca dan berfikir dalam diri setiap rakyatnya tanpa mengira usia.

Sehingga awal abad yang ke-20, kota Constantinople telah menjadi sebuah lokasi yang terpenting di negara Turki, kerana ianya merupakan tempat pertembungan, pertindihan, dan pertukaran budaya dan ilmu antara masyarakat Islam yang menetap di kawasan Timur dan masyarakat Inggeris dari kawasan Barat. Di sini jugalah terdapatnya sebuah pelabuhan utama Turki yang turut dikuasai dan dimiliki oleh Empayar Uthmaniyyah, menjadikan kuasa kerajaan tersebut lebih gagah dan kukuh dilengkapi segala sistem yang semakin meningkat maju.

5. Aspek seni bina

Antara sumbangan peradaban Turki yang berikutnya ialah sumbangan dari sudut seni bina dalam negara. Kerajaan Turki Uthmaniyyah sebenarnya telah banyak menyumbangkan kemajuan dalam seni bina berkonsepkan Islam, terutamanya dalam pembinaan masjid. Antara tokoh seni bina dari Turki yang sangat terkenal ialah Mimar Sinan, yang mana antara hasil kerjanya yang paling ulung yang dapat kita lihat pada hari ini ialah Masjid Sultan Ahmed, atau turut juga dikenali sebagai Masjid Biru (*Blue Mosque*) yang dibina antara tahun 1609 dan 1616 ketika zaman pemerintahan Sultan Ahmed 1, dan terletak berhadapan Hagia Sophia pada jarak kira-kira 300 meter di Istanbul.

Masjid ini merupakan antara tarikan utama pelancong di Turki yang mempraktikkan unsur seni bina Islam pada struktur pembinaannya, seperti penggunaan jubin berwarna biru di dinding bahagian dalam masjid, yang juga menyumbang kepada penamaannya sebagai Masjid Biru. Kemegahan konsep ciptaan masjid ini beserta setiap perinciannya yang teliti seolah menandakan bahawa empayar ini mahu mengingatkan seluruh manusia tentang kewujudan mereka yang pernah berskala global dan mendunia suatu ketika dahulu, walaupun pada detik ini empayar tersebut telah pun hilang dari peta dunia, meninggalkan saki-baki tinggalan sejarahnya untuk ditelusuri umat manusia.




Rajah 4 menunjukkan binaan Masjid Sultan Ahmed, juga turut dikenali sebagai Masjid Biru (sumber rajah: Internet, Masjid Biru).

6. Aspek kesenian dan kesusasteraan

Seperti yang telah kita katakan di bahagian penghuraian aspek pendidikan sebentar tadi, Empayar Turki Uthmaniyyah merupakan pelopor utama dalam bidang penulisan ensiklopedia. Memandangkan sistem penulisan dan penterjemahan teks-teks kitab telah menjadi semakin banyak cabangnya dan meluas, ianya secara tidak lansung telah memudahkan pelajar dalam urusan mengakses kepelbagaian ilmu pengetahuan. Maka dari itulah, telah lahirnya ramai golongan cendekiawan dan cerdik pandai hasil daripada pembelajaran serta proses pemahaman ilmu yang kemas, tersusun, dan teratur.

Ini dapat dibuktikan apabila ensiklopedia sains Islam telah dijadikan sebagai rujukan utama bagi keperluan praktikal masyarakat. Contohnya seperti ensiklopedia karya Katip Celebi yang masih lagi digunakan dengan meluas sehingga sekarang, seperti kitabnya *Mizan al-Hikmah*, *Jihannuma*, *Tarikh-i Frengin*, *Tarikh-i Konstantiniyye ve Kayasira*, *Irsyad al-Hiyara* ila *Tarikh al-Yunani* va *al-Rumi* va-‘*Inasara*, *Kasyf al-Zunun*, *Tuhfat al-Kibar fi Asfar al-Bihar*, *Taqwim al-Tawarikh* dan lain-lain lagi, sehinggakan sejarawan Franz Babinger menggelarnya sebagai sejarawan Turki terhebat, manakala Adnan Adivar pula menggelarnya wakil Turki pada era Pembaharuan (*Renaissance*).

Dapat kita ringkaskan bahawa Empayar Turki Uthmaniyyah ini telah banyak mengambil peranan dalam memudahkan dan menyebarkan ilmu pengetahuan, pendidikan, dan kebudayaan, bukan sahaja ke seluruh wilayah jajahannya, malah turut sama dieksport segala ilmu pengetahuan tersebut ke seluruh dunia, yang mencakupi Dunia Islam dan Dunia Bukan Islam. Bahkan sehingga hari ini, sistem pendidikan ini masih lagi utuh dalam kalangan masyarakat dunia, yang sebahagian besarnya telah mulai sedar akan kepentingan pendidikan dalam kehidupan seharian, semuanya berkat sumbangan dari sebuah Empayar Islam yang amat masyhur suatu ketika dahulu.



Rajah 5 menunjukkan ilustrasi Katip Celebi, seorang ahli bibliografi, sejarawan, dan ahli geografi Turki (sumber rajah: Internet, Katip Celebi).

KESIMPULAN

Sejak zaman penaklukan kota Byzantine dan Constantinople pada tahun 1453 sehinggalah ia runtuh semasa berlakunya Perang Dunia Pertama (*World War I*), Empayar Turki Uthmaniyyah seperti yang dikenali merupakan sebuah kuasa besar yang sangat penting dalam politik dan pentadbiran Eropah. Bermula dari abad yang ke-15 melewati abad ke-17, Empayar Turki Uthmaniyyah tegak berdiri di puncak kegemilangannya sebagai sebuah pentadbiran Islam yang amat kukuh, malah digeruni oleh masyarakat Eropah yang beragama Kristian di tanah mereka sendiri. Namun, ia mula mengalami fasa perpecahan dan kemunduran dalam abad yang ke-18 dan abad ke-19, di mana akhirnya era pemerintahan *khulafa'* Uthmani ini akur lalu tersungkur menyembah bumi, sejurus Mustafa Kamal Atatürk yang dikenali sebagai Bapa Pemodenan Turki bertindak mengisytiharkan negara tersebut sebagai sebuah kuasa Republik.

Namun, masih terdapat banyak saki-baki peninggalan sejarah tamadun ini yang seharusnya dikaji dan ditelusuri oleh seluruh masyarakat dunia khususnya kepada golongan Muslim, memandangkan terlampau banyak sumbangan yang telah mereka berikan kepada kita sesuai kemajuan ketamadunan pada hari ini, terutamanya dari sudut keilmuan dan falsafah pendidikan manusia, yang mana kesemuanya amatlah bernilai dan masih menjadi rujukan para sarjana Barat dan Muslim kini dalam menimba ilmu dan membina sebuah kehidupan yang lebih aman dan makmur untuk keseluruhan manusia sejagat.

Justeru itu, suka penulis ajukan sebuah persoalan kepada semua individu yang bertekad dalam membangunkan sebuah negara bangsa yang hebat dan gagah, bagaimanakah untuk kita menahan tekanan daripada kuasa-kuasa besar seperti Barat, China, Amerika dan Rusia, serta menjamin kemajuan dan kestabilan negara kita tanpa disokong oleh mereka, baik dari sudut politik negara atau selainnya, dan bagaimana juga untuk kita memodenkan seluruh aspek kehidupan yang mencakupi sudut rohani, jasmani, intelek, bangsa, masyarakat dan negara, hatta dari sudut sistem pendiri negara seperti ekonomi dan ketenteraan, tanpa perlu bergantung dan berpaut kepada kuasa-kuasa penjajah tersebut?

Sudah tentu melalui penelitian terhadap segala *uslub-uslub* hikmah, iktibar, serta pengajaran yang dapat kita fahami dan hayati serta kita amalkan dan sebarkan berdasarkan daripada sejarah ketamadunan pimpinan Empayar Turki Uthmaniyyah, *wallahu a'lam bi al-sawab* (hanya Allah SWT yang mengetahui kebenaran yang sesungguhnya).

RUJUKAN

- Ahmadie Thoha. 1986. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Donald Quataert. 2005. *The Ottoman Empire 1700-1922*. New York: Cambridge University Press.
- Fairul Pilus. My Metro. 2020. *Turki Negara Istimewa*.
<https://www.hmetro.com.my/xpresi/2020/11/641801/turki-negara-istimewa>.
- Faizal Omar. Academia. 2016. *Kerajaan Uthmaniyyah: Kitaran Tamadun dan Sumbangannya*.
https://www.academia.edu/32031266/Kerajaan_Uthmaniah_Kitaran_Tamadun_dan_Sumbangannya.
- Frank Gehry. MasterClass. 2021. *Sultan Ahmed Mosque: A Brief History of the Blue Mosque*.
<https://www.hmetro.com.my/xpresi/2020/11/641801/turki-negara-istimewa>.
- Fuad Fanani. 2011. The Ottoman Empire: Its Rise, Decline and Collapse. *Edward Wimberley*. 14(1):93-109.
- Ghazali Darusalam (OUM). 2014. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Selangor, Seri Kembangan: Meteor Doc. Sdn. Bhd.
- Intiyaz Zahra. Slideshare. 2012. *Sumbangan Kerajaan Uthmaniyyah*.
<https://www.slideshare.net/IntiyazZahra/sumbangan-kerajaan-uthmaniyah>.
- Khadafi Rofie. 2009. *Tamadun Islam: Prinsip dan Sumbangan Terhadap Peradaban Dunia*. Kedah, Jitra: Pure Honey Enterprise.
- Mahayudin Yahaya. 1998. *Tamadun Islam*. Fajar Bakti.
- Moustapha Abbas. The Patriots. 2020. *Katip Celebi: Ilmuwan Uthmaniyah Yang Dilupakan*.
<https://thepatriots.asia/katip-celebi-ilmuwan-uthmaniyah-yang-dilupakan/>.
- Murtaza Ozeren. Daily Sabah. 2016. *A Great Architect Under Sinan's Shadow: Sedefkar Mehmed Agha*.
<https://www.dailysabah.com/arts-culture/2016/12/31/a-great-architect-under-sinans-shadow-sedefkar-mehmet-agma>.
- Mustafa Daud. 1991. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Nadiah Rahman. 2006. *Tamadun Islam dan Asia*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.

- Ramawan Rahman, Zulkifli Dahalan, Halipah Hamzah, Hapiz Mahaiyadin, Roshaimizam Suhaimi, Azlina Ahmad, Adib Ahmad & Sofwan Hasbullah (UiTM). 2011. *Pengantar Tamadun dan Sejarah Pemikiran Islam*. Penerbitan Alambaca Sdn Bhd.
- Rashidah Ibrahim. My Metro. 2017. *500 Tahun Sebagai Masjid*.
<https://www.hmetro.com.my/dekotaman/2017/06/240040/500-tahun-sebagai-masjid>.
- Suraiya Faroghi. 1999. *Approaching Ottoman History: An Introduction to the Sources*. United Kingdom: The Press Syndicate of the University of Cambridge.
- Teuku Iskandar. 2010. *Kamus Dewan: Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Zaki Latiff, Azam Hamzah & Azhar Aros. 2015. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Edisi Ketiga*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.